

2021

MODUL PDPR

Matematik Tahun 3

PENYELARAS:

**BIDANG SAINS DAN MATEMATIK
SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH RANAU**



RANAU HEBAT! TAHUN INI PASTI LEBIH. MARI KERJA BERSAMA

PERUTUSAN PEGAWAI PENDIDIKAN DARAH RANAU



Salam SABAH HEBAT! Katakan Tidak Kepada No. 16.

Salam RANAU HEBAT! Tahun Ini Pasti Lebih Baik. Mari Kerja Bersama.

Pembinaan MODUL PDPR Matematik Tahun 3 ini amat signifikan dengan keperluan persekitaran pembelajaran semasa yang mana murid-murid melaksanakan pembelajaran kendiri di rumah ketika kita berhadapan dengan Pandemik COVID-19. Penghasilan modul ini juga merupakan usaha positif kita untuk menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) benar-benar memberi manfaat kepada murid-murid. Saya berharap melalui modul ini, guru-guru dapat melaksanakan PdPR dengan lebih lancar khususnya dalam menjangkau murid-murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Saya mengambil kesempatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai SISC⁺, Unit Sains dan Matematik yang bertindak sebagai penyelaras dan membimbing kumpulan Jurulatih Utama Daerah (JUD) bagi subjek Matematik dalam menghasilkan modul ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada kumpulan guru-guru yang merupakan Jurulatih Utama Daerah (JUD) yang sanggup berkorban masa menghasilkan Modul PdPR ini. Sumbangan dan komitmen anda dalam menghasilkan Modul PdPR Matematik Tahun 3 ini sesungguhnya amat bermakna bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan pembelajaran dalam konteks norma baru.

Saya berharap, isi kandungan dalam modul ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para guru, ibu bapa serta murid dalam usaha meneruskan pembelajaran dari rumah ketika pandemik COVID-19 melanda.

Sekian dan terima kasih.

MAJUS BIN MUNSING

PERUTUSAN
TIMBALAN PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH RANAU
SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-NYA akhirnya Modul PDPR Matematik Tahun 3 ini dapat dibukukan.

Pertama sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai SISC+, Bidang Sains dan Matematik, Sektor Pembelajaran, PPD Ranau yang telah berusaha bersungguh-sungguh menyelaras proses penyediaan modul bersama Jurulatih Utama daerah Ranau.

Sekalung syabas diucapkan kepada semua panel Penulis Modul Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) bagi subjek Matematik Tahun 3 yang telah bertungkus ilmus menjayakan serta menghasilkan modul ini. Tanpa komitmen yang padu daripada semua sudah pasti modul ini tidak dapat disiapkan.

Saya yakin modul ini akan sentiasa relevan walaupun pandemik COVID-19 akan berakhir dan sekolah beroperasi semula untuk PdP secara bersemuka.

Semoga dengan terhasilnya modul ini akan memberikan inspirasi kepada guru-guru untuk memperkukuh dan menjadikan PdP lebih menarik dan bermakna serta selaras dengan keperluan semasa terutama ketika pandemik COVID-19 melanda.

Akhir sekali, sebarang maklumbalas dalam bentuk komen, pendapat dan cadangan amatlah diharapkan demi kelestarian kecemerlangan pendidikan di daerah Ranau.

Sekian dan terima kasih.



AHMAD SHAHBIRIN BIN SUBIN

**AHLI JAWATAN KUASA PENYELARAS PENYEDIAAN MODUL PDPR MATEMATIK
TAHUN 3 PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH RANAU**

PENASIHAT:

En. Majus Munsing

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Ranau

PENGERUSI:

En. Ahmad Shahbirin bin Subin

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah
Sektor Pembelajaran
Pejabat Pendidikan Daerah Ranau

FASILITATOR DAN PEMBIMBING:

Dr Losius Goliong

Bidang Sains dan Matematik
Sektor Pembelajaran
Pejabat Pendidikan Daerah Ranau

En. Ahsly Kasin

Bidang Sains dan Matematik
Sektor Pembelajaran
Pejabat Pendidikan Daerah Ranau

En. Nazarius G. Yulip

Bidang Sains dan Matematik
Sektor Pembelajaran
Pejabat Pendidikan Daerah Ranau

**SENARAI JURULATIH UTAMA MATA PELAJARAN MATEMATIK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH RANAU TAHUN 2021**

NORLIN NIKAH

SK Gana Gana, Ranau

ALESIAH @ AISHA SAUDIN

SK Poring, Ranau

CLEMENT AZIMIN

SK Mangkapoh, Ranau

SITI FAUZIAH JANUIN

SK Tinanom, Ranau

LEE CHEE HEUNG

SK Kilimu, Ranau

KAICHIK BTE BOON @ NOORHAYATI

SK Pekan, Ranau

JUHIWIN BIN MIDIN

SK Pinawantai, Ranau

MOHD MALIK BIN TU

SK Pinausuk, Ranau

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
BIDANG: NOMBOR DAN OPERASI		
1.0	Nombor bulat hingga 10 000	7
2.0	Operasi asas	58
3.0	Pecahan, Perpuluhan dan Peratus	106
4.0	Wang	148
BIDANG: SUKATAN DAN GEOMETRI		
5.0	5.0 Masa dan Waktu	196
6.0	6.0 Ukuran dan Sukatan	226
7.0	Ruang	285
BIDANG: PERKAITAN DAN ALGEBRA		
8.0	Koordinat	300
BIDANG: STATISTIK DAN KEBARANGKALIAN		
9.0	Pengurusan Data	315
MODUL SJK (c) PAI WEN		331


UNIT 1.0: NOMBOR HINGGA 10 000

SENARAI PENGGUBAL

BIL	NAMA GURU	SEKOLAH
1	Clement Azimin	SK. Mangkapoh, Ranau
2	Francis Jessius	SK. Malinsau, Ranau
3	Hainis Ugang Thing	SK. Sri Gabungan, Ranau
4	Mairin Yontok	SK. Gusi, Ranau
5	Rodney John	SK. Kawiyan, Ranau
6	Jahidin Dullah	SK. Karagasan, Ranau
7	Norhafizaton Solehah Binti Ayub	SK. Kaingaran, Ranau
8	Mairin Gosman	SK. Kaingaran, Ranau

Tajuk	1.0 Nombor Bulat Hingga 10 000
Standard Kandungan	1.1 Nilai nombor
Standard Pembelajaran	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Menamakan nombor hingga 10 000: Membaca sebarang nombor yang diberi dalam perkataan. Menyebut sebarang nombor yang diberi dalam bentuk angka. Memadankan angka dengan namanya dalam perkataan.</p>
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir PDPR, murid dapat:</p> <p>Menyelesaikan sekurang-kurangnya 5 daripada 10 soalan melibatkan nilai nombor hingga 10 000</p>
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=y-Zjhvzdd0Y

NOTA:



2

Tampalkan kad angka dengan kad perkataan yang sepadan.

8 000

lapan ribu

sembilan ribu
seratus empat

tujuh ribu
tiga puluh satu

enam ribu
lima ratus dua

6 502

9 104

7 031

3

Tulis nombor
dalam perkataan.

5 170

lima ribu
seratus
tujuh puluh

4

empat ribu
sebelas

4 011

9 325
sembilan ribu
tiga ratus
dua puluh lima

PENTAKSIRAN:

- A. Padankan nombor dengan perkataan di bawah:

7836	Tiga ribu tiga ratus dua puluh enam
3326	Dua ribu enam ratus lima puluh lapan
5791	Empat ribu tiga ratus empat puluh tujuh
2658	Lima ribu tujuh ratus sembilan puluh satu
4347	Tujuh ribu lapan ratus tiga puluh enam

- B. Padankan perkataan dengan nombor di bawah:

Sembilan ribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan	8638
Lapan ribu enam ratus tiga puluh lapan	4705
Empat ribu tujuh ratus lima	1190
Satu ribu enam ratus tujuh puluh lima	9999
Satu ribu satu ratus sembilan puluh	1675

TAHAP PENGUASAAN: _____


IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:




(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	1.0 NOMBOR BULAT HINGGA 10 000
Standard Kandungan	1.1 Nilai nombor
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 1.1.2 Menentukan nilai nombor hingga 10 000: Menunjukkan kuantiti bagi nombor yang diberi. Memadankan kumpulan objek dengan nombor. Membandingkan nilai dua nombor. Menyusun kumpulan objek mengikut tertib menaik dan tertib menurun.
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR, murid dapat: Menyelesaikan sekurang-kurangnya 10 daripada 20 soalan melibatkan nilai nombor hingga 10 000.
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=yThA9mNKPi0 https://www.youtube.com/watch?v=lv8dydakNEU

NOTA:

- Nilai nombor





2. Banding nilai nombor

I Jualan sempena Hari Kebangsaan.

topi 967	bendera 1 835	lencana 1 249	rantai kunci 1 217
-------------	------------------	------------------	-----------------------

a) Apakah yang dijual lebih banyak, topi atau bendera?

9 6 7 tiga digit	1 8 3 5 empat digit
---------------------	------------------------

Nombor empat digit lebih besar daripada nombor tiga digit.

1 835 lebih besar daripada 967.
Jualan bendera lebih banyak.

b) Bandingkan 1 835 dengan 1 249, yang manakah lebih kecil?

ribu	ratus	puluhan	satuan
1	8	3	5
• 1	2	4	9


nilai ribu sama

Bandingkan nilai ratus pula.

2 ratus lebih kecil daripada 8 ratus.

1 249 lebih kecil daripada 1 835.


Contoh:

1) 
6 508
4 056

Bandingkan nombor yang terletak di rumah yang paling besar (ribu).

6 lebih besar daripada 4.

Jadi, 6 508 lebih besar daripada 4 056

2) 
3 2 4 5
3 9 0 1




Jika nombor yang pertama mempunyai nilai yang sama, lihat nombor pada rumah yang kedua.

2 lebih kecil daripada 9.


Jadi, 3 245 lebih kecil daripada 3 901.

PENTAKSIRAN:

- A. Kira blok dan tulis jumlahnya.

1.		2 ribu 0 ratus 1 puluh 0 sa $2000 + 0 + 10 + 0 = 2010$
2.		3 ribu 2 ratus 4 puluh 5 sa $3000 + 200 + 40 + 5 = 3245$
3.		1 ribu 5 ratus 6 puluh 7 sa $1000 + 500 + 60 + 7 = 657$
4.		4 ribu 3 ratus 2 puluh 8 sa $4000 + 300 + 20 + 8 = 4328$
5.		2 ribu 1 ratus 3 puluh 6 sa $2000 + 100 + 30 + 6 = 2136$

B. Tuliskan nombor yang diwakili oleh bongkah asas sepuluh



C. Tandakan (✓) pada nombor yang lebih kecil

9 143	6 563

6 010	6 101

1 456	1 465

4 852	4 825

D. Tandakan (✓) pada nombor yang lebih besar

2 900	2 591

9 280	9 028

3 672	3 678

5 305	5 315

E. Susunkan nombor berikut

I.

1425	1427	1428	1429	1426
menaik				
menurun				

2.

5563	5763	5463	5663	5863
menaik				
menurun				

TAHAP PENGUASAAN: _____


IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:



(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	1.0 NOMBOR BULAT HINGGA 10 000
Standard Kandungan	1.2 Menulis nombor.
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 1.2.1 Menulis nombor dalam angka dan perkataan.
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR, murid dapat: Menyelesaikan sekurang-kurangnya 6 daripada 12 soalan melibatkan menulis nombor dalam angka dan perkataan.
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=ZspJF003wok https://www.youtube.com/watch?v=lYdPF8sv80M https://www.youtube.com/watch?v=vGcVe0MQC3Y


NOTA:

A. Menulis perkataan





B. Menulis nombor



PENTAKSIRAN:

- A. Tuliskan perkataan bagi setiap nombor pada baju sukan tersebut.



Jawapan: _____



Jawapan: _____



Jawapan: _____



Jawapan: _____









Jawapan: _____



Jawapan: _____

B. Tuliskan perkataan berikut dalam bentuk angka.

Dua ribu dua ratus tujuh belas		<input type="text"/>
Empat ribu seratus tiga puluh		<input type="text"/>
Lapan ribu enam ratus sebelas		<input type="text"/>
Sepuluh ribu		<input type="text"/>
Sembilan ribu tiga puluh		<input type="text"/>
Seribu empat ratus dua puluh satu		<input type="text"/>

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor Bulat Hingga 1000
Standard kandungan	1.3 Rangkaian nombor
Standard pembelajaran	1.3.1 Membilang satu-satu hingga sepuluh-sepuluh, seratus-seratus, dan seribu-seribu secara tertib menaik dan menurun.
Objektif pembelajaran	Di akhir pembelajaran murid boleh; 1. Murid boleh membilang satu-satu, sepuluh-sepuluh, seratus-seratus dan seribu - seribu menggunakan kad nombor dan garis nombor. 2. Membandingkan nilai nombor.
Tempoh pembelajaran	90 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=2EhiE_xET8s https://www.youtube.com/watch?v=a9uR4PX74s0 https://www.youtube.com/watch?v=VcsJ8P_6mlQ https://www.youtube.com/watch?v=FDP9nXBdtRs

NOTA:

1. Gunakan kad nombor bilangan satu-satu, sepuluh-sepuluh, seratus-seratus dan seribu-seribu.
2. Susun kad di atas meja mengikut tertib menurun atau tertib menaik.

Contoh:

a. satu-satu

1021	1022	1023	1024	1025
-------------	-------------	-------------	-------------	-------------

b. sepuluh-sepuluh

1020	1030	1040	1050	1060
-------------	-------------	-------------	-------------	-------------


c. seratus-seratus

2100	2200	2300	2400	2500
-------------	-------------	-------------	-------------	-------------




1. Dengan menggunakan garis nombor.

- Perhatikan garis nombor yang disediakan.



- Isi setiap senggatan dengan satu-satu,sepuluh-sepuluh, seratus-seratus dan seribu – seribu



PENTAKSIRAN:

- A. Lengkapkan turutan nombor di bawah.

1.	1000	2000			5000			8000	
----	------	------	--	--	------	--	--	------	--

2.	7100		7300			7600			7900
----	------	--	------	--	--	------	--	--	------

3.		3020			3050	3060		3080	
----	--	------	--	--	------	------	--	------	--


4.	6005		6015	6020			6035		
----	------	--	------	------	--	--	------	--	--

5.	2163	2173							
----	------	------	--	--	--	--	--	--	--

6.	1080	1089	1098						
----	------	------	------	--	--	--	--	--	--

7.	2175	2182		2196					
----	------	------	--	------	--	--	--	--	--

B. Lengkapkan.



TAHAP PENGUASAAN: _____


IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor Bulat Hingga 1000
Standard Kandungan	1.3 Rangkaian nombor
Standard Pembelajaran	1.3.2 Melengkapkan sebarang rangkaian nombor secara tertib menaik dan menurun.
Objektif Pembelajaran	Di akhir pembelajaran murid boleh; 1. Membandingkan nilai nombor. 2. Menyusun rangkaian nombor mengikut urutan tertib menaik dan tertib menurun.
Tempoh Pembelajaran	
Video/Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=FDP9nXBdtRs

NOTA:



1. Terdapat 2 bentuk susunan nombor iaitu susunan nombor menaik dan susunan nombor menurun. Lihat contoh di bawah.
2. Bagi menyusun nombor secara menaik atau menurun murid perlu ingat mengenai nombor yang nilainya besar atau nombor yang nilainya kecil berdasarkan nilai tempat dan nilai digit.



Gambarajah 1: Susunan nombor menaik dan nombor menurun


3. Tertib menaik ialah susunan sebarang nombor dari nombor terkecil kepada nombor yang terbesar.
4. Tertib menurun ialah susunan sebarang nombor dari yang terbesar kepada yang terkecil.


Apakah nombor paling kecil? Apakah nombor paling besar pula?




PENTAKSIRAN:

- A. Susunkan nombor berikut.

1. 

2. 

3. 

B. Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1) 2601 2602 2605

2) 4030 . . 4026 . . 4022 .

3) 5324 5334 5364

4)

6991
6988
6987

5)

8013 7713 7613

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor hingga 10 000
Standard Kandungan	1.4 Menentukan nilai tempat bagi sebarang nombor
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 1.4.1 Menyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor
Objektif Pembelajaran	Di akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat: menamakan nilai tempat bagi setiap digit dalam sebarang nombor hingga 10 000 menyatakan nilai digit bagi sebarang nombor hingga 10 000 menyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor dengan menggunakan abakus 4:1
Tempoh Pembelajaran	90 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=dirN-IqC8-s https://www.youtube.com/watch?v=IGGgrO-IMfM https://www.youtube.com/watch?v=KmIMIInAwbw https://www.youtube.com/watch?v=O7bQymuToUY https://www.youtube.com/watch?v=bGWPzCVQoIE

NOTA:

1. Menamakan nilai tempat dan nilai digit menggunakan kad nombor
 - a. Perhatikan kad nombor di bawah.

Contoh :

8467

- b. Nilai tempat pada nombor digariskan.

Contoh: 8467

Lapan **ribu** empat **ratus** enam **puluh** tujuh

- c. Kedudukan tujuh dalam nombor itu berada di nilai tempat '**sa**'. Nilai tempat disebut bermula dengan nilai tempat **sa**.

- d. Nilai tempat bagi setiap angka ditulis seperti dalam petak di bawah.

	8	4	6	7
Nilai tempat	ribu	ratus	puluh	sa

- e. Angka ditulis mengikut nilai digit.

Contoh:


Lapan ribu empat ratus enam puluh tujuh


- f. Nombor 8467 ditulis ke dalam kad nilai digit seperti contoh di bawah:

	8	4	6	7
Nilai digit	8000	400	60	7

2. Menamakan nilai tempat dan nilai digit menggunakan abakus 4:1

- a. Lihat contoh abakus 4:1 di bawah



- b. Nombor pada abakus ditulis mengikut nilai tempat

2345

Dua ribu tiga ratus empat puluh lima

- c. Perkataan yang bergaris adalah nilai tempat.

Dua ribu tiga ratus empat puluhan lima

- d. Kedudukan lima dalam nombor itu berada di nilai tempat '**sa**'. Nilai tempat disebut bermula dengan nilai tempat **sa**.

- e. Setiap angka ditulis mengikut nilai digit.

Dua ribu tiga ratus empat puluh lima sa

↓ ↓ ↓ ↓
2000 300 40 5

- f. Maklumat dimasukkan dalam petak nombor.

	2	3	4	5
Nilai tempat	ribu	ratus	puluhan	sa
Nilai digit	2000	300	40	5

PENTAKSIRAN:

- A. Nyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi angka yang bergaris

Bil	Nombor	Nilai tempat	Nilai digit
1	5 <u>3</u> 53		
2	<u>3</u> 012		
3	9 <u>6</u> 24		
4	117 <u>7</u>		

- B. Nyatakan nilai tempat dan nilai digit bagi nombor-nombor yang berikut.

1.

	3	7	4	3
Nilai tempat				
Nilai digit				

2.

	4	2	9	6
Nilai tempat				
Nilai digit				

3.

	5	0	3	2
Nilai tempat				
Nilai digit				

- C. Tulis nombor dan nyatakan nilai tempat dan nilai digit berdasarkan abakus di bawah.



Nilai tempat			
Nilai digit			

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor hingga 10 000
Standard Kandungan	1.4 Menentukan nilai tempat dan nilai digit bagi sebarang nombor
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 1.4.2 Mencerakinkan sebarang nombor mengikut nilai tempat dan nilai digit
Objektif Pembelajaran	Di akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat: Mencerakinkan sebarang nombor mengikut nilai tempat dan nilai digit
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=bGWPzCVQoIE https://www.youtube.com/watch?v=LmIH_XIPtYg https://www.youtube.com/watch?v=zq_cYFuqRJM

NOTA:

1. Mencerakinkan sebarang nombor mengikut nilai tempat dan nilai digit
 - a. Lihat kad nombor di bawah.
Contoh : 1963
 - b. Sebutkan nombor pada kad nombor dengan jelas.
 - c. Menulis dan menggariskan nilai tempat bagi nombor yang disebut.
satu **ribu** sembilan **ratus** enam **puluhan** tiga
 - d. Kedudukan tiga dalam nombor itu berada di nilai tempat '**sa**'. Nilai tempat disebut bermula dengan nilai tempat **sa**.
 - e. Nombor ditulis semula dalam petak kosong dan nilai tempat ditulis bagi setiap angka.

	1	9	6	3
Nilai tempat	ribu	ratus	puluhan	sa

- f. Kefahaman dipertingkatkan dengan menyebut nombor tersebut kemudian menulis semula setiap angka mengikut nilai digit.

Contoh:

satu ribu sembilan ratus enam puluh tiga
↓ ↓ ↓ ↓
1000 900 60 3

- g. Nombor 1963 dimasukkan ke dalam petak kosong seperti contoh di bawah:

	1	9	6	3
Nilai digit	1000	900	60	3

- h. Nombor ditulis mengikut nilai tempat dan nilai digit dalam bentuk cerakinan.

1963

Nilai tempat: 1 ribu + 9 ratus + 6 puluh + 3 sa

Nilai digit: 1000 + 900 + 60 + 3

PENTAKSIRAN:

Cerakinkan nombor di bawah mengikut nilai tempat dan nilai digit.

Contoh:**9853**

Nilai tempat: 9 ribu + 8 ratus + 5 puluh + 3 sa

Nilai digit : $9000 + 800 + 50 + 3$

6275

Nilai tempat: 6 ribu + 2 _____ + 7 _____ + 5 _____

Nilai digit : $6000 + 200 + \underline{\hspace{2cm}} + \underline{\hspace{2cm}}$

4618

Nilai tempat: _____ + _____ + _____ + _____

Nilai digit : _____ + _____ + _____ + _____

2089

Nilai tempat: _____ + _____ + _____ + _____

Nilai digit : _____ + _____ + _____ + _____

5347

Nilai tempat: _____ + _____ + _____ + _____

Nilai digit : _____ + _____ + _____ + _____

8302

Nilai tempat: _____ + _____ + _____ + _____

Nilai digit : _____ + _____ + _____ + _____

TAHAP PENGUASAAN: ____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	1.0 Nombor Bulat Hingga 10 000
Standard Kandungan	1.5 Menganggar
Standard Pembelajaran	1.5.1 Memberi anggaran kuantiti yang munasabah dengan menggunakan perkataan "lebih kurang", "Kurang daripada lebih daripada, berdasarkan set rujukan.
Objektif Pembelajaran	Pada akhir Pengajaran dan pembelajaran, murid-murid dapat: memberi anggaran kuantiti yang munasabah dengan menggunakan perkataan "lebih kurang", "Kurang daripada" dan "lebih daripada" berdasarkan 3 set rujukan.
Tempoh Pembelajaran	60 Minit
Video / Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=aQEBo_9HmaY https://www.youtube.com/watch?v=Ts8Xg8V9DjA

NOTA:

- Menganggar bermaksud membuat kira-kira atau menghitung secara kasar kuantiti sesuatu objek dengan munasabah.
- Membuat perbandingan kuantiti terhadap dua atau lebih set objek dalam bentuk gambar/video atau benda majud.
- Menyatakan bilangan sebenar bagi satu set objek sebagai set rujukan dan murid memberi anggaran terhadap kuantiti set objek yang lain.
- Menggunakan benda majud seperti objek dalam bekas, cecair dalam bekas, mengukur Panjang atau tinggi objek menggunakan pembaris dan menyukat berat suatu objek menggunakan penimbang.
- Membuat pengabungjalinan terhadap tajuk lain seperti operasi tolak, tambah dan pecahan.

PENTAKSIRAN:

- A. Anggarkan bilangan objek. Tulis **lebih daripada**, **kurang daripada** atau **lebih kurang**.

1.



i. Bilangan objek dalam bekas B
objek dalam bekas C. bilangan

ii. Bilangan objek dalam bekas A
objek dalam bekas B. bilangan

2.



i. Nyatakan anggaran bilangan objek di dalam bekas B.

ii. Objek dalam bekas B adalah
dalam bekas C. objek di

iii. Berapakah anggaran bilangan objek lagi yang perlu ditambah
ke dalam bekas A supaya bilangannya lebih kurang dengan
objek di dalam bekas B.

3.



- i. Tinggi pokok kelapa tinggi pokok pisang.
- ii. Sekiranya tinggi pokok kelapa ialah 20 meter, berapakah anggaran tinggi bagi pokok pisang.

TAHAP PENGUASAAN: _____


IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	1.0 NOMBOR BULAT HINGGA 10 000
Standard Kandungan	1.6 Membundarkan sebarang nombor
Standard Pembelajaran	Murid boleh: Membundarkan sebarang nombor hingga 10 000 kepada puluh, ratus dan ribu yang terdekat. Mengenal pasti nombor yang mungkin diwakili oleh suatu nombor hingga 10 000 yang telah dibundarkan kepada puluh, ratus dan ribu terdekat
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR, murid dapat: Membundarkan sebarang nombor hingga 10 000 kepada puluh, ratus dan ribu yang terdekat. Mengenal pasti nombor yang mungkin diwakili oleh suatu nombor hingga 10 000 yang telah dibundarkan kepada puluh, ratus dan ribu terdekat
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=Hw4yw8dataE https://www.youtube.com/watch?v=26jn7CZn0Yg https://www.youtube.com/watch?v=_93Kr9hnICY

NOTA:

Contoh: Bundarkan nombor yang berikut kepada ribu yang terdekat.



a. 4568

- Tulis semula nombor
4568
- Gariskan nilai tempat ribu
- Kemudian bulatkkan nilai ratus
456 8
- Lihat angka 5 dalam kumpulan besar
- Oleh itu kita kena tambah 1 pada ribu.
+ 1
- 4568 =
- Semua angka belakang akan jadi sifar (0)

$$\begin{array}{r} + 1 \\ \cancel{4}\cancel{5}\cancel{6}8 \\ 5\ 0\ 0\ 0 \end{array}$$

-- jawapan

b. 3267

- Tulis semula nombor
3267
- Gariskan nilai tempat ribu
- Kemudian bulatkkan nilai ratus
326 7
- Lihat angka 2 dalam kumpulan kecil
- Oleh itu kita kekalkan angka tersebut.

$$\begin{array}{r} \underline{3}\underline{2}67 \\ 3\ 0\ 0\ 0 \end{array}$$

-- jawapan

PENTAKSIRAN:

i. Bundarkan nombor nombor berikut kepada puluh yang terdekat

4260

a. 4267

4270

5630

b. 5637

5640

6710

c. 6712

6720

7100

d. 7107

7110

2580

e. 2582

2590

ii. Bundarkan nombor-nombor di bawah kepada ratus yang hampir. Tuliskan jawapan di dalam petak yang disediakan.

a.



b.



c.



d.



iii. Bundarkan nombor-nombor kepada ribu yang terdekat dan warnakan jawapan yang betul.

4255

3517

4599

3993

4418

3471

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor Bulat hingga 10 000
Standard Kandungan	1.7 Pola nombor
Standard Pembelajaran	<p>Murid boleh:</p> <p>Mengenal pasti pola bagi siri nombor yang diberi secara tertib menaik dan menurun satu-satu hingga sepuluh-sepuluh, seratus-seratus dan seribu-seribu.</p> <p>Melengkapkan pelbagai pola nombor yang diberi secara tertib menaik dan menurun satu-satu hingga sepuluh-sepuluh, seratus-seratus dan seribu-seribu.</p>
Objektif Pembelajaran	<p>Di akhir pembelajaran, murid-murid dapat:</p> <p>Menyatakan dan melengkapkan pola nombor menaik dan menurun</p> <p>Menyatakan dan melengkapkan pola nombor sehingga enam digit</p>
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video bahan dan sokongan	<p>https://youtu.be/a9uR4PX74s0</p> <p>https://youtu.be/amvnSPX3GXI</p> <p>https://www.slideshare.net/aurora233/tahun-3-pola-nombor</p> <p>https://www.ohtheme.com/tahun-3-matematik-urutan-nombor-dan-pola-nombor</p>

NOTA:**1. Pengenalan kepada pola nombor.**

- Pola nombor ialah senarai nombor yang terbentuk mengikut peraturan atau corak yang tertentu.
- Pola nombor boleh terjadi dalam urutan menaik ataupun menurun

a. Pola menaik lima-lima

Apakah nombor seterusnya?

$$\begin{array}{cccc} +5 & +5 & +5 & +5 \\ \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright \\ 5, & 10, & 15, & 20, \end{array} \boxed{25}$$

**b. Pola menurun dua-dua**

Apakah nombor seterusnya?

$$\begin{array}{cccc} -2 & -2 & -2 & -2 \\ \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright \\ 12, & 10, & 8, & 6, \end{array} \boxed{4}$$



Bagaimana anda tahu jawapannya?

Apakah pola nombor ini?**Pola nombor menaik lima-lima.**

Bagaimana anda tahu jawapannya?

Apakah pola nombor ini?**Pola nombor menurun dua-dua.****c. Pola menaik sepuluh-sepuluh.**

Apakah nombor seterusnya?

$$\begin{array}{cccc} +10 & +10 & +10 & +10 \\ \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright \\ 14, & 24, & 34, & 44, \end{array} \boxed{54}$$

**d. Pola menaik seratus-seratus**

Apakah nombor seterusnya?

$$\begin{array}{cccc} +100 & +100 & +100 & +100 \\ \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright & \curvearrowright \\ 3600, & 3700, & 3800, & 3900, \end{array} \boxed{4000}$$



Bagaimana anda tahu jawapannya?

Apakah pola nombor ini?**Pola nombor menaik sepuluh-sepuluh.**

Bagaimana anda tahu jawapannya?

Apakah pola nombor ini?**Pola nombor menaik seratus-seratus.**

PENTAKSIRAN:

i. Lengkapkan dan nyatakan pola nombor.

a) 125, 130, _____, _____, 145, _____, 155, 160

Pola:

b) 588, _____, _____, 558, 548, _____, 528, _____

Pola:

c) 1310, 1320, _____, 1340, _____, _____, _____

Pola:

e) 4990, _____, 4790, 4690, _____, _____, 4390

Pola:


f) 25 000, 26 000, _____, _____, 29 000

Pola:

g) 211 196, 210 196, _____, _____, 207 196

Pola:


ii. Nyatakan jenis pola nombor pada garis nombor dibawah.




Pola nombor: _____



Pola nombor: _____




Pola nombor: _____



Pola nombor: _____




Pola nombor: _____



Pola nombor: _____

iii. Nyatakan pola nombor menaik atau menurun (bulatkan jawapan yang betul)



Pola nombor: Menaik / Menurun



Pola nombor: Menaik / Menurun



Pola nombor: Menaik / Menurun

iv. Baca dan fahami petikan dibawah. Kemudian selesaikan soalan berdasarkan petikan dalam ruang yang disediakan.

Alvin adalah seorang murid Tahun 3. Dia merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik di dalam keluarganya. Dia mempunyai seorang abang dan seorang lagi adik perempuan. Jarak umur antara mereka semua adalah 3 tahun. Hitung dan nyatakan umur : -

- a. Alvin
- b. Abang Alvin
- c. Adik perempuan Alvin

(Selesaikan soalan diatas dengan menggunakan garis nombor)

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	Nombor Bulat Hingga 10 000
Standard Kandungan	1.8 Penyelesaian masalah
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 1.8.1 Menyelesaikan masalah melibatkan nombor bulat hingga 10 000 dalam situasi harian.
Objektif Pembelajaran	Di akhir pembelajaran, murid-murid dapat: Menyelesaikan masalah harian melibatkan nombor bulat hingga 10 000 menggunakan sekurang-kurangnya satu strategi.
Tempoh Pembelajaran	60 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://www.youtube.com/watch?v=zKRPor135uE https://www.youtube.com/watch?v=WYoqoicWpMM

NOTA:

- a. Langkah-langkah penyelesaian masalah:



b. Strategi:



c. Contoh 1:



Chalet kuning ialah chalet pertama. Chalet ungu ialah chalet keenam. Apakah nombor chalet ungu?

Cara Lihat pola.



Nombor chalet ungu ialah I 312.




2 Gambar rajah kedudukan beberapa buah chalet.



Chalet kuning ialah chalet pertama. Chalet ungu ialah chalet keenam. Apakah nombor chalet ungu?

Cara Lihat pola.



Nombor chalet ungu ialah I 312.

d. Contoh 2:

Adila ada tiga keping kad nombor. Dia pilih satu kad yang nombornya menjadi 7000 apabila dibundarkan kepada ratus dan ribu terdekat. Kad yang manakah dipilih oleh Adila?

6 880

6 960

7 060


Cara 1: Membuat Jadual

Bundarkan setiap nombor kepada ratus dan ribu terdekat.

Nombor	6 880	6 960	7 060
Ratus terdekat	6 900	7 000	7 100
Ribu terdekat	7 000	7 000	7 000

Nombor yang menjadi **7 000** apabila dibundarkan kepada ratus dan ribu terdekat ialah **6 960**.

Cara 2: Melukis Garis Nombor



Nombor dalam kawasan berlorek adalah nombor yang boleh dipilih oleh Adila.

Adila pilih kad: **6 960**

e. Contoh 3:

Hasya diberi empat keping kad nombor satu digit. Dia perlu membentuk empat nombor empat digit dengan digit 6 berada di tempat ratus. Apakah nombor-nombor itu?



Cara 1: Melakukan Simulasi, Teka dan Uji.

Langkah-langkah:

1. Sediakan empat keping kad nombor seperti di atas
2. Susun kad nombor tersebut dengan kad digit 6 berada di tempat ratus.
3. Kamu boleh menukar kedudukan kad nombor dan membentuk apa sahaja nombor empat digit dengan syarat kad digit 6 mesti berada di tempat ratus (teka dan uji).
4. Selamat mencuba!

Cara 2: Membuat Jadual.

Dengan menggunakan kad nombor yang diberi, tulis apa sahaja nombor dengan digit 6 berada di tempat ratus.

ribu	ratus	puluhan	satu
2	6	0	7
2	6	7	0
7	6	0	2
7	6	2	0

Nombor tersebut ialah:

- 1) 2 607
- 2) 2 670
- 3) 7 602
- 4) 7 620

PENTAKSIRAN:

1. Jadual di bawah menunjukkan bilangan murid mengikut sekolah.

Sekolah	Bilangan Murid
SK Sri Pekan	1 208
SK Kampung Pisang	1 013
SK Bandar Mutiara	1 547
SK Kampung Aur	1 165

- a. Namakan sekolah yang mempunyai bilangan murid paling sedikit. Tulis bilangan itu dalam perkataan.


b. Susun bilangan murid mengikut tertib menaik dan menurun.

Tertib menaik:

Tertib menurun:

2. Gambar rajah di bawah menunjukkan susunan beberapa biji pasu bunga.

Sarah melabelkan nombor pada pasu bunga itu secara berturutan .



a. Apakah pola nombor itu?

b. Apakah nombor sebiji lagi pasu bunga yang akan diletakkan sebelum 2 050?

Berapakah bilangan pelawat yang mengunjungi Pesta Kobis semalam?

Apabila dibundarkan kepada puluh terdekat, bilangan itu menjadi 3 600 orang.



3. Berdasarkan perbualan di atas, berapakah bilangan pelawat yang mungkin?

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA / PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATA PELAJARAN)
TARIKH:

UNIT 2.0: OPERASI ASAS (TAMBAH, TOLAK, DARAB DAN BAHAGI)

SENARAI PENGGUBAL

BIL	NAMA GURU	SEKOLAH
1	Alesiah @ Aisha Saudin	SK. Poring, Ranau
2	Rium @ Normy Ansun	SK. Poring, Ranau
3	Sandraa Binti Sakin	SK. Sagiban, Ranau
4	Malik Junaid	SK. Lohan, Ranau
5	Rusizin Dani	SK. Narawang, Ranau
6	Zahnip Bin Sahimin	SK. Napong, Ranau
7	Nurularina Jusli	SK. Perancanga, Ranau
8	Joseph Mickey	SK. Kiroko, Ranau
9	Jappry Duanis	SK. Kirokot, Ranau
10	Sozeyani Bt Amin	SK. Langsat, Ranau
11	Nassa Bt. Minin	SK. Bongkud, Ranau

Tajuk	2.0 Operasi Asas
Standard Kandungan	2.1 Tambah dalam lingkungan 10 000.
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 2.1.1 Menyelesaikan ayat matematik tambah melibatkan dua nombor hasil tambah dalam lingkungan 10 000. 2.1.2 Menyelesaikan ayat matematik tambah melibatkan tiga nombor, hasil tambah dalam lingkungan 10 000.
Objektif Pembelajaran	Di akhir pembelajaran, murid-murid dapat: i. Menyelesaikan sekurang-kurangnya 4 daripada 8 soalan tambah melibatkan dua nombor dengan betul. ii. Menyelesaikan sekurang-kurangnya 4 daripada 8 soalan tambah melibatkan tiga nombor dengan betul.
Tempoh Pembelajaran	90 minit
Video/ Bahan Sokongan	https://youtu.be/VdrJ5Q1S-vM https://youtu.be/ln-YjBQfo18 https://youtu.be/QdVo6yOMRKw



NOTA:

Operasi tambah ialah proses menjumlahkan dua atau lebih kuantiti menggunakan nombor-nombor. Simbol bagi tambah adalah ‘+’.

Soalan ayat matematik tambah boleh diselesaikan dengan beberapa cara seperti menggunakan blok asas, garis nombor, abakus, dekak-dekak dan bentuk lazim.

A. Proses menambah dalam bentuk lazim:


- Susun nombor mengikut nilai tempat yang betul
- Mula menjumlahkan nilai bermula dari sa, diikuti puluh, ratus dan ribu, iaitu dari kanan ke kiri.
- Aktiviti mengumpul semula akan dilakukan apabila jumlah digit menjadi 10 dan melebihi 10.

B. Menyelesaikan ayat matematik tambah melibatkan dua nombor.

i. Menambah tanpa mengumpul semula

Contoh 1: $1\ 382 + 6 =$ [Yellow Box]

Cara menggunakan blok asas



Cara bentuk lazim


ribu	ratus	puluhan	sa
	3	8	2
+			6
	3	8	8

Ingin! Mula menambah daripada sa.


Contoh 2: Tambah 1 382 dan 15.

$$6\ 472 + 143 = \boxed{6\ 615}$$

Cara menggunakan dekak-dekak



Cara garis nombor



ii. Menambah dengan mengumpul semula


Contoh: Tambah 6 472 dan 143.

$$6\ 472 + 143 = \boxed{\quad}$$

Cara bentuk lazim:

6	4	7	2
+	1	4	3
6	6	1	5

Cara menggunakan abakus:



$$6\ 472 + 143 = \boxed{6\ 615}$$

C. Menyelesaikan ayat matematik tambah melibatkan tiga nombor.

i. Menambah tanpa mengumpul semula

Contoh: $27 + 1130 + 3420 = \boxed{\quad}$

Penyelesaian:

$$\begin{array}{r}
 3\ 420 \\
 + 1\ 130 \\
 \hline
 4\ 550
 \end{array}
 \qquad
 \begin{array}{r}
 4\ 550 \\
 + 27 \\
 \hline
 4\ 577
 \end{array}$$

$$27 + 1130 + 3420 = \boxed{4\ 577}$$

ii. Menambah dengan mengumpul semula

Contoh 1: $2\ 406 + 302 + 54 = \boxed{\quad}$

Penyelesaian:

$$\begin{array}{r}
 2\ 406 \\
 302 \\
 + 54 \\
 \hline
 2762
 \end{array}$$

Jadikan 10 dahulu.

$$2\ 406 + 302 + 54 = \boxed{2\ 762}$$

Contoh 2: $169 + 3547 + 49 =$

Penyelesaian:

$$\begin{array}{r} & \boxed{1} & \boxed{2} \\ & | & \\ & 6 & \boxed{9} \\ 3 & 5 & \boxed{4} & 7 \\ + & & \boxed{4} & \boxed{9} \\ \hline 3 & 7 & 6 & 5 \end{array}$$

Tambah dua digit
yang sama dahulu.

$$\begin{aligned} q + 7 + q &= 18 + 7 \\ &= 25 \\ 6 + 4 + 4 + 2 &= 6 + 8 + 2 \\ &= 16 \end{aligned}$$

$$169 + 3547 + 49 = \boxed{3765}$$

PENTAKSIRAN:

Selesaikan ayat matematik tambah melibatkan dua nombor di bawah menggunakan pelbagai strategi pengiraan.

1. $2163 + 314 =$ _____

2. $105 + 3273 =$ _____

3. $3216 + 1003 =$ _____

4. $3426 + 1653 =$ _____

5. $4639 + 2225 =$ _____

6. $4758 + 2157 =$ _____

7. $1\ 586 + \underline{\quad} = 5\ 155$

8. $8\ 536 + \underline{\quad} = 9\ 000$

TAHAP PENGUASAAN:__

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:

PENTAKSIRAN:

Selesaikan ayat matematik tambah melibatkan tiga nombor di bawah menggunakan pelbagai strategi pengiraan.

1. $253 + 21 + 5 = \underline{\hspace{2cm}}$

2. $26 + 120 + 322 = \underline{\hspace{2cm}}$

3. $4\,261 + 1\,003 + 524 = \underline{\hspace{2cm}}$

4. $850 + 7 + 6\,453 = \underline{\hspace{2cm}}$

5. $208 + 1\,453 + 5\,264 = \underline{\hspace{2cm}}$

6. $6\,413 + 132 + 587 = \underline{\hspace{2cm}}$

7. $567 + 1\,403 + \underline{\hspace{2cm}} = 9\,060$

8. $2\,534 + \underline{\hspace{2cm}} + 4\,680 = 8\,431$

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	2.0 Operasi asas
Standard Kandungan	2.2 Tolak dalam lingkungan 10 000
Standard Pembelajaran	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Menyelesaikan ayat matematik tolak melibatkan dua nombor dalam lingkungan 10 000.</p> <p>2.2.2 Menyelesaikan ayat matematik tolak melibatkan dua nombor dari satu nombor dalam lingkungan 10 000.</p>
Objektif Pembelajaran	<p>Pada akhir pembelajaran, murid dapat:</p> <p>Menolak sebarang dua nombor dengan atau tanpa mengumpul semula.</p> <p>Menolak berturut-turut dengan atau tanpa mengumpul semula.</p>
Tempoh	90 minit
Video / bahan sokongan	

NOTA:

1. Operasi tolak merupakan proses pengasingan atau pengurangan sesuatu nombor kepada nombor yang kecil.
 - f. Tanpa mengumpul semula

$$4564 - 1362 =$$

ri	ra	pu	sa
4	5	6	4
-	1	3	6
	3	2	2

Tulis ayat matematik dalam bentuk lazim.
 Tolak 4 sa dengan 2 sa. ($4 - 2 = 2$)
 Tolak 60 dengan 60. ($60 - 60 = 0$)
 Tolak 500 dengan 300 ($500 - 300 = 200$)
 Tolak 4000 dengan 1000 ($4000 - 1000 = 3000$)

2. Apabila sesuatu nombor tidak boleh ditolak kerana nilai nombor tersebut lebih kecil daripada nombor yang ditolak maka proses kumpul semua perlu dilakukan.

g. Tolak dengan mengumpul semula

$$4334 - 362 =$$

Contoh 1:

ri	ra	pu	sa
3	12	13	
4	3	3	4
-	3	6	2
3	9	7	2

- 3 puluh tidak boleh ditolak dengan 6 puluh
- Tukar 1 ratus kepada 100, $100 + 3 = 13$ puluh
- Tolak puluh, 13 puluh – 6 puluh = 7
- 2 ratus tidak boleh ditolak dengan s ratus. Tukar 1 ribu kepada 1000. $1000 + 200 = 1200$
- Tolak 1200 dengan $300 = 900$
- Turunkan 3 ribu

Contoh 2:

$$4334 - 362 - 24 =$$

$\begin{array}{r} 313 \\ - 34\cancel{3}4 \\ \hline 362 \end{array}$		$\begin{array}{r} 612 \\ - 307\cancel{2} \\ \hline 4048 \end{array}$
---	--	--

- Tolak nombor 4334 dengan 362 . 30 tidak boleh ditolak dengan 60 . Pinjam 100 daripada 400 , $100 + 30 = 130$, $130 - 60 = 70$
- Tolak 300 dengan 300 , $300 - 300 = 0$
- Turunkan 3
- Tolak baki $3434 - 362$, dengan 24 . $3072 - 24 = 4048$

PENTAKSIRAN:

Lengkapkan.

1.

$$4372 - 3245 =$$

2.

$$1272 - 1445 =$$

3.

$$4232 - 2151 =$$

4.

$$5342 - 220 - 32 =$$

5.

$$5272 - 3112 =$$

6.


$$4920 - 2181 =$$

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:

PENTAKSIRAN:

Selesaikan Teka Silang Kata di bawah.

**Menegak**

2. $4756 - 4000 - 571 = 185$
3. $4624 - 2411 - 2011 = 202$
4. $7859 - 3541 - 4007 = 311$
6. $4549 - 311 - 1093 = 3215$

Mendarat

1. $5724 - 210 - 413 = 5101$
4. $6721 - 3110 - 1081 = 2530$
5. $5621 - 2412 - 2963 = 246$
7. $2432 - 1028 - 1000 = 404$

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA

TARIKH:

(GURU MATAPELAJARAN)

TARIKH:

Tajuk	2.0 Operasi Nombor
Standard Kandungan	2.3 Darab dalam lingkungan 10 000.
Standard Pembelajaran	2.3.1 Menyelesaikan ayat Matematik darab bagi sebarang nombor hingga empat digit dengan nombor satu digit, 10, 100 dan 1000 dan hasil darabnya hingga 10000.
Objektif Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid dapat: i. Menyelesaikan ayat Matematik darab bagi sebarang nombor hingga empat digit dengan nombor satu digit, 10, 100 dan 1 000 dan hasil darabnya hingga 10 000.
Tempoh Pembelajaran	90 minit
Video / bahan sokongan	Buku teks Tahun 3

NOTA:


- i. Darab



Berapakah jumlah limau di dalam 3 buah kotak?

$$3 \times 12 = \boxed{ }$$

Cara 1



$$\begin{array}{r} 12 \\ 12 \\ + 12 \\ \hline 36 \end{array}$$

Cara 2

puluhan	satuan
1	2
1	2
1	2

puluhan	satuan
3	6

puluhan	satuan
3	6

Darab satuan
 $3 \times 2 \text{ sa} = 6 \text{ sa}$

Darab puluhan
 $3 \times 1 \text{ puluh} = 3 \text{ puluh}$


$$3 \times 2 = 2 \times 3. \\ \text{Adakah} \\ 3 \times 12 = 12 \times 3?$$



$$3 \times 12 = \boxed{36}$$


Jumlah limau di dalam 3 buah kotak ialah **36 biji**.

2 $4 \times 121 = \boxed{ }$




$$\begin{array}{r} 1 & 2 & 1 \\ \times & & 4 \\ \hline 4 & & \end{array}$$

Darab satuan
 $4 \times 1 \text{ sa} = 4 \text{ sa}$



$$\begin{array}{r} 1 & 2 & 1 \\ \times & & 4 \\ \hline 8 & 4 & \end{array}$$

Darab puluhan
 $4 \times 2 \text{ puluh} = 8 \text{ puluh}$



$$\begin{array}{r} 1 & 2 & 1 \\ \times & & 4 \\ \hline 4 & 8 & 1 \end{array}$$

Darab ratusan
 $4 \times 1 \text{ ratus} = 4 \text{ ratus}$

$$4 \times 121 = \boxed{484}$$

3 $2\ 013 \times 2 =$ []

$$\begin{array}{r}
 2 & 0 & 1 & 3 \\
 \times & & & 2 \\
 \hline
 & 6 & & \\
 & 2 & 0 & \\
 & 0 & 0 & 0 \\
 + 4 & 0 & 0 & 0 \\
 \hline
 4 & 0 & 2 & 6
 \end{array}$$

$2\ 013 \times 2 =$ []

Anggar untuk semak.
 $2\ 000 \times 2 = 4\ 000$



4 026 dekat
dengan 4 000.
Jawapan
munasabah.

4 $596 \times 10 =$ []

Cara 1

$$596 \times 1 \text{ puluh} = 596 \text{ puluh} \\ = 5\ 960$$

Cara 2

$$\begin{array}{r}
 596 \\
 \times 10 \\
 \hline
 5960
 \end{array}$$

$596 \times 10 =$ []

5 $78 \times 100 =$ []

Cara 1

$$\begin{array}{r}
 78 \\
 \times 100 \\
 \hline
 7800
 \end{array}$$

Cara 2

$$78 \times 1 = 78 \\ 78 \times 10 = 780 \\ 78 \times 100 = 7800$$

$78 \times 100 =$ []

6 $10 \times 1\ 000 =$ []

$$\begin{array}{r}
 10 \\
 \times 1\ 000 \\
 \hline
 10\ 000
 \end{array}$$

$10 \times 1\ 000 =$ []


7 $9 \times$ [] $= 9\ 000$

$$9 \times 10 = 90 \\ 9 \times 100 = 900 \\ 9 \times 1\ 000 = 9\ 000$$

$9 \times$ [] $= 9\ 000$


Darab lagi.....

I



Berapakah bilangan semua buku?

$$15 \times 3 = \boxed{ }$$



$$15 \times 3 = \boxed{45}$$

Semuanya ada **45** buah buku.

2



Berapakah jumlah murid di dalam 6 buah bas yang sama?

$$6 \times 44 = \boxed{}$$

puluhan	sa		
4	<table border="1"> <tr><td>4</td></tr> <tr><td>6</td></tr> </table>	4	6
4			
6			
x			
<hr/>			
	24		

Darab sa

$$6 \times 4 \text{ sa} = 24 \text{ sa}$$

24 sa ialah 2 puluh dan 4 sa.

<table border="1"> <tr><td>2</td></tr> <tr><td>4</td></tr> </table>	2	4	4
2			
4			
x	<table border="1"> <tr><td>6</td></tr> </table>	6	
6			
<hr/>			
26	4		

Darab puluh

$$6 \times 4 \text{ puluh} = 24 \text{ puluh}$$

$$24 \text{ puluh} + 2 \text{ puluh} = 26 \text{ puluh}$$

26 puluh ialah 2 ratus dan 6 puluh.

ratus	puluhan	sa						
<table border="1"> <tr><td>2</td></tr> <tr><td>0</td></tr> </table>	2	0	<table border="1"> <tr><td>2</td></tr> <tr><td>4</td></tr> </table>	2	4	<table border="1"> <tr><td>4</td></tr> <tr><td>6</td></tr> </table>	4	6
2								
0								
2								
4								
4								
6								
x								
<hr/>								
2	6	4						

Darab ratus

$$6 \times 0 \text{ ratus} = 0 \text{ ratus}$$

$$0 \text{ ratus} + 2 \text{ ratus} = 2 \text{ ratus}$$

$$6 \times 44 = \boxed{264}$$

Jumlah murid di dalam 6 buah bas ialah **264** orang.

3

$$109 \times 7 = \boxed{}$$

Cara 1

$$\begin{array}{r} & ^6 1 0 9 \\ \times & 7 \\ \hline & 7 6 3 \end{array}$$

Cara 2

1	0	9	x
0	7	0	6



$$109 \times 7 = \boxed{763}$$

4 $576 \times 8 =$ []

\times	500	70	6
8	4 000	560	48

$$576 \times 8 = 4\,000 + 560 + 48 \\ = 4\,608$$

$$576 \times 8 = \boxed{4\,608}$$

5 $4 \times 2193 =$ []


Darab ikut nilai tempat.


$$\begin{array}{r} 2193 \\ \times 4 \\ \hline 12 \\ 360 \\ 400 \\ + 8000 \\ \hline 8772 \end{array}$$


$$4 \times 2193 = \boxed{8\,772}$$



6

Asin 

Kaswini 

Adila 

Jawapan siapakah yang betul? Kenapa?



PENTAKSIRAN:

Selesaikan ayat matematik tambah melibatkan dua nombor di bawah menggunakan pelbagai strategi pengiraan.

1. $2015 \times 4 = \underline{\hspace{2cm}}$

2. $36 \times 5 = \underline{\hspace{2cm}}$

3. $501 \times 6 = \underline{\hspace{2cm}}$

4. $10 \times 97 = \underline{\hspace{2cm}}$

5. $639 \times 1000 = \underline{\hspace{2cm}}$

6. $100 \times 17 = \underline{\hspace{2cm}}$

7. $186 \times \underline{\hspace{2cm}} = 1860$

8. $\underline{\hspace{2cm}} \times 78 = 7800$


TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:


Tajuk	2.0 Operasi Asas
Standard Kandungan	5.1 Menulis ayat matematik bagi operasi bahagi.
Standard Pembelajaran	Murid boleh: 5.1.1 Mengelaskan kepada kumpulan tiga-tiga, enam-enam, tujuh-tujuh, lapan-lapan dan sembilan-sebilan dengan menyatakan kumpulan yang diperoleh dengan menggunakan: a. objek. b. gambar.
Objektif Pembelajaran	Di akhir pembelajaran, murid-murid dapat: Membahagi sama rata melalui aktiviti mengelaskan kepada kumpulan tiga, enam, tujuh, lapan dan sembilan. Menulis ayat matematik bagi operasi bahagi.
Tempoh Pembelajaran	90 minit
Video/ Bahan Sokongan	

NOTA:

A. Bahagi



2 $45 \div 3 =$




$$\begin{array}{r} 1 \\ 3) \overline{4\ 5} \\ -3 \downarrow \\ \hline 1\ 5 \end{array}$$

Bahagi puluh

$$4 \text{ puluh} \div 3 \\ = 1 \text{ puluh baki } 1 \text{ puluh}$$

Tukar 1 puluh kepada
10 sa.
 $10 \text{ sa} + 5 \text{ sa} = 15 \text{ sa}$



$$\begin{array}{r} 1\ 5 \\ 3) \overline{4\ 5} \\ -3 \downarrow \\ \hline 1\ 5 \\ -1\ 5 \downarrow \\ \hline 0 \end{array}$$


Bahagi sa

$$15 \text{ sa} \div 3 = 5 \text{ sa}$$

$$45 \div 3 = \boxed{15}$$

- 3 Sebanyak 628 biji donat dibungkus empat-empat. Berapakah bungkusan donat?


$628 \div 4 =$



$$\begin{array}{r} 1 \\ 4) \overline{6\ 2\ 8} \\ -4 \downarrow \\ \hline 2\ 2 \end{array}$$



Bahagi ratus.
Baki 2 ratus tukar kepada 20 puluh.




$$\begin{array}{r} 1\ 5 \\ 4) \overline{6\ 2\ 8} \\ -4 \downarrow \\ \hline 2\ 2 \\ -2\ 0 \downarrow \\ \hline 2\ 8 \end{array}$$

Bahagi puluh.
Baki 2 puluh tukar kepada 20 sa.



Ada 157 bungkusan donat.

$628 \div 4 = \boxed{157}$



$$\begin{array}{r} 1\ 5\ 7 \\ 4) \overline{6\ 2\ 8} \\ -4 \downarrow \\ \hline 2\ 2 \\ -2\ 0 \downarrow \\ \hline 2\ 8 \\ -2\ 8 \downarrow \\ \hline 0 \end{array}$$

Bahagi sa.

4 $2100 \div 7 =$ []

Cara 1

$$\begin{array}{r} 300 \\ 7 \overline{)2100} \\ -21 \\ \hline 00 \\ -0 \\ \hline 00 \\ -0 \\ \hline 0 \end{array}$$


$2100 \div 7 =$ [300]

Cara 2

[3] $\times 7 = 21$

[300] $\times 7 = 2100$

Kira secara pantas.
Ceritakan.



5 $5045 \div 5 =$ []

$$\begin{array}{r} 1009 \\ 5 \overline{)5045} \\ -5 \\ \hline 00 \\ -0 \\ \hline 04 \\ -0 \\ \hline 45 \\ -45 \\ \hline 0 \end{array}$$

$5045 \div 5 =$ [1009]

6

Kad Biru

$$\begin{array}{r} 920 \\ 8 \overline{)7216} \\ -72 \\ \hline 016 \\ -16 \\ \hline 0 \end{array}$$

Kad Hijau

$$\begin{array}{r} 902 \\ 8 \overline{)7216} \\ -72 \\ \hline 01 \\ -0 \\ \hline 16 \\ -16 \\ \hline 0 \end{array}$$

Kiraan manakah yang betul?



7 $690 \div 10 =$ []

$$\begin{array}{r} 69 \\ 10 \overline{)690} \\ -60 \\ \hline 90 \\ -90 \\ \hline 0 \end{array}$$

$690 \div 10 =$ [69]

8 $8600 \div 100 =$ []

$$\begin{array}{r} 86 \\ 100 \overline{)8600} \\ -800 \\ \hline 600 \\ -600 \\ \hline 0 \end{array}$$

$8600 \div 100 =$ [86]

9 $7000 \div 1000 =$ []

$7000 \div 10 = 700$
 $7000 \div 100 = 70$
 $7000 \div 1000 = ?$

$7000 \div 1000 =$ [7]

10 [] $\div 10 = 204$

$$\begin{array}{r} 204 \\ \times 10 \\ \hline 2040 \end{array}$$

Saya guna operasi darab.




[2040] $\div 10 = 204$

Bahagi lagi.....

- 1 Berapakah batang kapur di dalam setiap bekas?
Berapakah batang kapur yang tinggal?


$$29 \div 3 = \boxed{ }$$



$$29 \div 3 = \boxed{9} \text{ baki } 2$$

Setiap bekas ada 9 batang kapur.
Ada 2 batang kapur yang tinggal.

2 $47 \div 4 = \boxed{ }$



$$47 \div 4 = \boxed{11} \text{ baki } 3$$

$$\begin{array}{r} 11 \\ 4 \overline{) 47} \\ - 4 \\ \hline 07 \\ - 4 \\ \hline 3 \end{array}$$

baki

3 $376 \div 6 =$ []

$$\begin{array}{r} 62 \\ 6) 376 \\ -36 \\ \hline 16 \\ -12 \\ \hline 4 \end{array}$$

$376 \div 6 =$ [] baki []

4 $8035 \div 9 =$ []

$$\begin{array}{r} \square q \square \\ 9) 8035 \\ -72 \\ \hline 83 \\ -81 \\ \hline 25 \\ - \square \square \\ \hline \end{array}$$

$8035 \div 9 =$ [] q [] baki []

5 $682 \div 10 =$ []

$$\begin{array}{r} 68 \\ 10) 682 \\ -60 \\ \hline 82 \\ -80 \\ \hline 2 \end{array}$$

$682 \div 10 =$ [] baki []

6 $7090 \div 100 =$ []

$$\begin{array}{r} 70 \\ 100) 7090 \\ -700 \\ \hline 90 \\ -0 \\ \hline 90 \end{array}$$

$7090 \div 100 =$ [] baki []

7 $8400 \div 1000 =$ []

$$\begin{array}{r} 8 \\ 1000) 8400 \\ -8000 \\ \hline 400 \end{array}$$

Selesaikan $5230 \div 1000.$



$8400 \div 1000 =$ [] baki []

8

Apakah jawapan bagi c ?



a $9768 \div 10 =$ [] baki []

b $9768 \div 100 =$ [] baki []

c $9768 \div 1000 =$ []

PENTAKSIRAN:

Selesaikan soalan bahagi di bawah dalam petak yang disediakan.

a) $2 \overline{)36}$

b) $3 \overline{)603}$

c) $5 \overline{)840}$

d) $6 \overline{)1200}$

e) $80 \div 4 = \boxed{\quad}$

f) $5004 \div 9 = \boxed{\quad}$

g) $180 \div 10 = \boxed{\quad}$

h) $4700 \div 100 = \boxed{\quad}$

i) $9000 \div 1000 = \boxed{\quad}$

j) $\boxed{\quad} \div 100 = 11$

a)	f)
b)	g)
c)	h)
d)	i)
e)	j)

PENTAKSIRAN:

Selesaikan soalan bahagi di bawah dalam petak yang disediakan.

(a) $2 \overline{)45}$

(b) $3 \overline{)590}$

(c) $7 \overline{)8032}$

(d) $10 \overline{)607}$

(e) $92 \div 5 =$ [Yellow Box]

(f) $702 \div 8 =$ [Yellow Box]

(g) $1502 \div 9 =$ [Yellow Box]

(h) $3791 \div 10 =$ [Yellow Box]

(i) $513 \div 100 =$ [Yellow Box]

(j) $4300 \div 1000 =$ [Yellow Box]

a)	f)
b)	g)
c)	h)
d)	i)
e)	j)

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	2.0 Operasi Asas
Standard Kandungan	2.5 Operasi bergabung tambah dan tolak
Standard Pembelajaran (Kandungan Tambahan)	2.5.1 Menyelesaikan ayat matematik operasi bergabung tambah dan tolak dalam lingkungan 10 000.
Objektif Pembelajaran	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat: Menyelesaikan ayat matematik operasi bergabung tambah dan tolak tanpa mengumpul semula.
Tempoh	90 minit
Video / bahan sokongan	Buku teks tahun 3

NOTA:

A. Tambah dan tolak

1. Ingat, operasi pertama perlu diselesaikan dahulu dan seterusnya.
2. Susun nombor mengikut nilai tempat



Berapakah topi yang belum dipakai?

$$15 + 20 - 3 = \boxed{}$$

Cara 1

Tambah dahulu. Kemudian, tolak.

Cara 2

Jawapan ini sama.

IMBAS INI

$$\begin{array}{r} 15 \\ + 20 \\ \hline 35 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 35 \\ - 3 \\ \hline 32 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 15 \\ - 3 \\ \hline 12 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 12 \\ + 20 \\ \hline 32 \end{array}$$

$$15 + 20 - 3 = \boxed{32}$$

Ada 32 buah topi yang belum dipakai.



2 $8728 - 524 + 39 = \boxed{}$

Cara 1

$$\begin{array}{r} 8728 \\ - 524 \\ \hline 8204 \end{array}$$

$$\begin{array}{r} 8204 \\ + 39 \\ \hline 8243 \end{array}$$

$$8728 - 524 + 39 = \boxed{8243}$$

Cara 2

$$\begin{array}{r} 8728 \\ + 39 \\ \hline \boxed{\quad} \end{array}$$

$$\begin{array}{r} \boxed{\quad} \\ - 524 \\ \hline \end{array}$$

3 Lihat yang berikut.

$$9\ 007 - 215 + 640 =$$

Cara 1

Handwritten calculation:
9 007
- 215

8 792
+ 640

9 432

Cara 2

Handwritten calculation:
215
+ 640

855
9 007
- 855

852

Cara manakah yang betul? Bincangkan.



CUBA INI



PENTAKSIRAN:

1. $3\ 786 - 1\ 543 + 735 =$

2. $2\ 876 - 764 + 3\ 775 =$

3. $5\ 476 + 1\ 233 - 1\ 408 =$

4. $6\ 422 + 2\ 466 - 1\ 221 =$

5. $423 + 2\ 573 - 1\ 349 =$

6. $4\ 875 - 247 + 1\ 271 =$

TAHAP PENGUASAAN: _____

IBU BAPA/ PENJAGA
TARIKH:

(GURU MATAPELAJARAN)
TARIKH:

Tajuk	2.0 Operasi asas
Standard Kandungan	2.6 Penggunaan anu
Standard Pembelajaran	<p>2.6.1: Mengenal pasti anu yang melibatkan operasi asas dalam ayat matematik.</p> <p>2.6.2: Mewakilkan situasi harian melibatkan operasi asas dan satu anu kepada ayat matematik.</p>
Objektif Pembelajaran	Pada akhir pembelajaran, murid berupaya untuk mengenal pasti anu dan mewakilkan situasi harian melibatkan operasi asas dan satu anu kepada ayat matematik.
Tempoh pembelajaran	90 minit
Video / bahan sokongan	Buku teks Matematik Tahun 3

NOTA:



ANU ialah kuantiti yang tidak diketahui.

Kata kunci bagi anu ialah **beberapa**.

Ada 3 biji limau mandarin.



Ayah beli **beberapa** biji limau lagi.



Semuanya ada 15 biji.

Anu

beberapa biji limau

Ayat Matematik

$$3 + \square = 15$$

Anu boleh diwakili dengan bentuk seperti . atau huruf seperti A, X, Z dan sebagainya.



Di dalam bakul ada **beberapa** biji epal.



Ibu membeli 6 biji epal lagi.

Jumlah epal akan menjadi 20 biji.

Anu

beberapa biji epal

Ayat Matematik



$$\star + 6 = 20$$



